



Boleh guna e-dompot untuk urusan kerajaan

Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya: Orang ramai yang berurusan dengan kerajaan kini boleh membuat pembayaran secara e-dompot di semua kementerian dan jabatan di bawahnya.

Menurut pekelliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, orang ramai boleh membuat bayaran di kaunter atau portal rasmi kementerian dan jabatan menggunakan dompet digital, malah boleh berbelanja menggunakan kod QR yang disediakan tanpa perlu kad fizikal atau tunai.

Menerusi pekelliling yang dikeluarkan Januari lalu, urusan terimaan melalui portal kementerian, jabatan atau di kaunter dilaksana menggunakan aplikasi berasaskan laman sesawang atau aplikasi mudah alih.

Mengenai caj perkhidmatan pengguna yang menggunakan mod itu bagi terimaan hasil, ia akan ditanggung oleh kerajaan, kecuali yang membabitkan urusan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Namun bagi caj perkhidmatan untuk terimaan bukan hasil seperti bayaran balik pinjaman, caj perkhidmatannya perlu ditanggung oleh pembayar, dengan kadar caj maksimum dipersetujui tidak melebihi 0.5 peratus nilai transaksi.

Selain daripada caj perkhidmatan yang dinyatakan itu, penyedia perkhidmatan tidak boleh mengenakan sebarang caj lain kepada pengguna.

Disiarkan pada: Februari 5, 2022